# SOALAN LAZIM (Kad Prihatin Penjaja & Peniaga)

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | Apakah itu Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga? | Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga adalah kad Prabayar untuk Peniaga dan Penjaja Malaysia yang membolehkan pemegang kad menerima bayaran tanpa tunai melalui urusan transaksi yang dilakukan dengan pelanggan secara digital.<br><br>Kad ini juga disertakan dengan kemudahan aplikasi IN2NIAGA yang membolehkan peniaga menyelenggara aliran tunai harian dengan lebih efisyen dan teratur.<br><br>Kad ini akan diberi secara PERCUMA selepas kelulusan pendaftaran. |
| 2 | Apa perbezaan antara kad Emas dan kad Perak? | Kad Emas adalah untuk Pemilik perniagaan sementara kad Perak adalah untuk Pembantu perniagaan.<br><br>Permohonan kad Perak hanya boleh dipohon oleh pemilik perniagaan yang sudah mempunyai kad Emas. |
| 3 | Di manakah Kad Prihatin Penjaja & Peniaga boleh digunakan untuk pembayaran? | Kad Prihatin Penjaja & Peniaga adalah kad Prabayar yang boleh digunakan untuk membuat bayaran di dalam dan luar negara iaitu di pasar raya, stesen minyak dan juga atas talian. Pemegang kad boleh membelanjakan keseluruhan jumlah wang dalam kad. |
| 4 | Di mana saya tambah nilai untuk Kad Prihatin Penjaja & Peniaga? | Kad Prihatin Penjaja & Peniaga boleh ditambah nilai melalui aplikasi IN2NIAGA. Pada masa ini, penambahan nilai hanya dibuat melalui FPX, di kaunter–kaunter dan fasiliti–fasiliti yang disediakan oleh AEON. |
| 5 | Di mana saya boleh mengeluarkan wang tunai dari Kad Prihatin Penjaja & Peniaga? | Kad Prihatin Penjaja & Peniaga ini boleh ditambah nilai melalui aplikasi IN2NIAGA. Pada masa ini, penambahan nilai hanya dibuat melalui FPX, di kaunter–kaunter dan fasiliti–fasiliti yang disediakan oleh AEON. |
| 6 | Bagaimana jika saya kehilangan Kad Prihatin Penjaja & Peniaga? | Pemegang Kad Prihatin Penjaja & Peniaga perlu melaporkan kehilangan kad serta–merta dengan membuat menghubungi Talian Khidmat Pelanggan AEON di 03–2719 9999 atau melalui aplikasi IN2NIAGA untuk pembatalan kad dan permohonan kad gantian. |
| 7 | Bagaimanakah saya tahu Kad Prihatin Penjaja & Peniaga saya telah diluluskan dan sedia untuk di ambil? | Anda akan menerima mesej (SMS) apabila aplikasi untuk Kad Prihatin Penjaja & Peniaga telah diluluskan.<br><br>Anda juga akan menerima mesej (SMS) apabila Kad Prihatin Penjaja & Peniaga sedia diambil daripada AEON Credit Service cawangan yang anda telah pilih semasa aplikasi dilakukan. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 8 | Perlukah Kad Prihathin Penjaja & Peniaga diaktifkan? | Anda perlu mengaktifkan Kad Prihathin Penjaja & Peniaga seperti berikut:<br><br>1. Layari www.myaeoncredit.com.my/activate–your–card atau imbas kod QR<br><br>2. Melalui SMS kepada 62033:<br>• AEON <jarak> CCACT <jarak> 4 digit terakhir NRIC <jarak> 4 digit terakhir nombor kad<br>• Contoh: AEON CCACT 2030 1010<br><br>3. Hubungi 03–2719 9999 dan buat Pilihan 2 selepas menu bahasa. |
| 9 | Apakah yang berlaku kepada Kad AEON Member Plus saya yang sedia ada selepas Kad Prihatin Penjaja & Peniaga saya telah diluluskan? | Baki tunai dan Mata Ganjaran pada Kad AEON Member Plus yang sedia ada akan dipindahkan secara automatik dan secara berperingkat ke Kad Prihatin Penjaja & Peniaga pada hari berikutnya atau dalam jangka masa 24jam. |

# SOALAN LAZIM (Applikasi In2Niaga)

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | Apakah aplikasi IN2NIAGA? | Aplikasi IN2NIAGA adalah aplikasi mudah alih yang membantu para peniaga dan penjaja untuk menerima sebarang mod pembayaran tanpa tunai untuk memupuk persekitaran tanpa tunai ke dalam Masyarakat Malaysia. |
| 2 | Di mana saya boleh muat turun | Melalui Google Play Store (Android), Apple Store (iPhone) dan laman sesawang www.in2niaga.com |
| 3 | Apakah keperluan minimum peranti untuk muat turun dan menggunakan aplikasi In2Niaga? | I. Telefon pintar Android 4.4 ke atas atau IOS 12 ke atas<br>II. Sambungan internet<br>III. Boleh menerima SMS |
| 4 | Apakah syarat kelayakan untuk mendaftar In2Niaga? | Syarat kelayakan untuk mendaftar IN2NIAGA adalah seperti berikut:−<br>I. Warganegara Malaysia<br>II. Mempunyai lesen perniagaan yang sah<br>III. Aktif menjalankan aktiviti perniagaan |
| 5 | Apakah dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran? | Berikut adalah dokumen yang diperlukan Ketika pendaftaran:−<br>I. MyKAD<br>II. Lesen Perniagaan dan SSM (salah satu)<br>III. Gambar gerai / premis (pilihan) |
| 6 | Adakah saya perlu membayar untuk mendaftar In2Niaga? | Pendaftaran adalah secara percuma. |
| 7 | Bolehkan saya mendaftar aplikasi IN2NIAGA sekiranya saya bankrup / blacklist? | Semua perniaga dan penjaja termasuk yang bankrup / blacklist digalakkan mendaftar. Pendaftaran tidak memerlukan akaun bank. |
| 8 | Bagaimanakah proses pendaftaran aplikasi In2Niaga? | Semudah 123 seperti pendaftaran MySejahtera.<br>I. Muat turun aplikasi IN2NIAGA<br>II. Masukkan nombor teleforn bimbit dan melalui pengesahan OTP<br>III. Mohon Kad Prihatin Penjaja & Peniaga |
| 9 | Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya menukar nombor telefon mudah alih? | Anda boleh kemas kini nombor telefon baru dalam aplikasi IN2NIAGA. Nombor OTP akan dihantar ke nombor telefon baru untuk pengesahan. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 10 | Bagaimanakah jika saya terlupa kata laluan (6−digit PIN) aplikasi IN2NIAGA? | Sila klik link 'Terlupa Kata Laluan' di aplikasi / web sesawang IN2NIAGA untuk proses pembaharuan kata laluan (6−digit PIN) yang baru. |
| 11 | Apakah yang saya perlu buat untuk dapatkan kata laluan (Pin 6 Digit) | Anda perlu tetapkan nombor pin 6 digit(6 digit pin) melalui Mesin ATM AEON dengan melakukan langkah berikut:<br>1. Masukkan Kad ke Mesin ATM AEON.<br>2. Pilih Bahasa<br>3. Pilih "set pin' atau change pin"<br>4. Masukan nombor pin 6 digit<br>5. Kata laluan sekali (OTP) akan dihantar ke telefon bimbit yang didaftarkan.<br>6. Anda akan menerima mesej "Penukaran Pin Berjaya" |
| 12 | Bagaimanakah saya boleh mencarum untuk PERKESO? | Aplikasi IN2NIAGA akan membantu setiap peniaga dan penjaja untuk mendaftar dengan PERKESO. Bagi pendaftaran yang berjaya, potongan sebanyak RM0.50/transaksi akan dicarum untuk PERKESO secara automatik. |
| 13 | Bagaimanakah saya dapat memperbaharui lesen perniagaan? | Lesen perniagaan boleh diperbaharui melalui aplikasi IN2NIAGA dengan pembayaran FPX atau melalui potongan bulanan. |
| 14 | Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan sekiranya menghadapi sebarang kesulitan berkenaan dengan Kad Prihatin Penjaja & Peniaga / Aplikasi IN2NIAGA? | Sebarang bantuan boleh didapati melalui HelpDesk di dalam aplikasi / web sesawang IN2NIAGA. |

# SOALAN LAZIM (PENGGUNAAN)

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | Apakah Kod QR IN2NIAGA? | Kod QR IN2NIAGA adalah kod unik yang diberikan kepada setiap peniaga dan penjaja yang berdaftar untuk tujuanpembayaran tanpa tunai. Kod ini hendaklah dipaparkan di gerai / premis perniagaan.<br><br>Pelanggan akan mengimbas Kod QR yang dipaparkan untuk membuat bayaran dalam talian melalui pelbagai saluran pembayaran tanpa tunai yang sedia ada.<br><br>IN2NIAGA boleh menerima mod pembayaran tanpa tunai perbankan e–Dompet termasuk Touch n'Go, GrabPay, Boost, Maybank QRPay, ShopeePay, dan lain–lain. |
| 2 | Bagaimanakah untuk mengesahkan pembayaran telah diterima? | Peniaga dan Penjaja akan mendapat notifikasi penerimaan bayaran melalui aplikasi IN2NIAGA. |
| 3 | Adakah caj perkhidmatan akan dikenakan? | Ya, caj perkhidmatan sebanyak 1% akan dikenakan ke atas bayaran yang diterima. Kadar caj ini jauh lebih rendah berbanding caj di platform lain.<br><br>Caj perkhidmatan ini adalah untuk menampung kos pengendalian sistem dan platform IN2NIAGA.<br><br>Keuntungan dari peniagaan IN2NIAGA akan disalur balik untuk kebajikan para peniaga dan penjaja melalui cabutan bertuah lumayan seperti kereta, pakej pelancongan, pakej Umrah, gajet elektronik dan sebagainya. Subsidi peniagaan dan program–program tanggungjawab sosial korporat juga akan disediakan pada masa akan datang. |
| 4 | Bagaimanakah untuk menyemak transaksi harian/bulanan? | Peniaga dan Penjaja boleh menyemak transaksi harian/bulanan melalui e–penyata dari aplikasi. |
| 5 | Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan sekiranya menghadapi sebarang kesulitan berkenaan dengan Kad Prihatin Penjaja & Peniaga / Aplikasi IN2NIAGA? | Sebarang bantuan boleh didapati melalui HelpDesk di dalam aplikasi / web sesawang IN2NIAGA. |

<table>
<tr><th>No.</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>6</td><td>Dimanakah Kad Prihatin Penjaja & Peniaga boleh memberi mata ganjaran?</td><td>Mata Ganjaran AEON bagi transaksi runcit diberikan kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah yang dikreditkan dalam Ringgit Malaysia (RM) melalui pembelian yang layak di dalam pasaraya/stor AEON dicajkan ke Kad.<br><br>Jadual Mata Ganjaran AEON adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>AEON Pasaraya/Stor</th><th>Card Yang Digunakan</th><th>Saluran Pembayaran</th><th>Mata Ganjaran AEON</th></tr>
<tr><td>• AEON BiG</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>3 Mata Ganjaran AEON</td></tr>
<tr><td>• AEON Stores<br>• AEON MaxValu<br>• AEON Wellness<br>• Daiso by AEON</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>2 Mata Ganjaran AEON</td></tr>
<tr><td>• AEON BiG</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>Tunai/ Debit or Credit Card/ “e–wallet” yang lain</td><td>2 Mata Ganjaran AEON</td></tr>
<tr><td>• AEON Stores<br>• AEON MaxValu<br>• AEON Wellness<br>• Daiso by AEON</td><td>Kad Prihatin Penjaja & Peniaga</td><td>Tunai/ Debit or Credit Card/ “e–wallet” yang lain</td><td>1 Mata Ganjaran AEON</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>7</td><td>Adakah saya boleh peroleh mata ganjaran AEON untuk pembayaran di luar negara?</td><td>Ya, Anda juga akan dapat memperoleh mata ganjaran AEON sekiranya anda melakukan pembelian yang layak di luar negara (RM 1 = 1 Mata Ganjaran AEON)</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Adakah Mata Ganjaran AEON boleh di tebus dengan tunai?</td><td>Ya, Mata Ganjaran AEON yang diperolehi akan dikumpulkan dalam Akaun Kad Prihatin Penjaja & Peniaga dan Mata Ganjaran AEON hanya boleh ditebus kepada nilai tunai dan dikreditkan ke dalam Akaun Pemegang Kad.</td></tr>
</table>

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 9 | Bagaimana saya boleh menebus Mata Ganjaran AEON? | Pada masa ini, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan AEON Credit di talian 03−2719 9999 atau log masuk ke www.myaeoncredit.com.my untuk menebus Mata Ganjaran AEON.<br><br>Pada masa akan datang, anda boleh menebus Mata Ganjaran AEON dengan memuat turun dan mendaftar di aplikasi AEON Wallet melalui Google Play Store (Android), Apple Store (iPhone) atau di aplikasi IN2NIAGA. |
| 10 | Adakah Mata Ganjaran AEON akan luput? | Mata Ganjaran AEON yang diperolehi adalah sah untuk tempoh sehingga tiga (3) tahun dari tarikh Mata Ganjaran AEON diperolehi. |
| 11 | Bagaimanakah cara saya menggunakan Kad ini untuk Visa payWave? | Fungsi tanpa sentuh (paywave) membolehkan kad digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan kad pada pengimbas tanpa sentuh/terminal. |